

20/09/1998

IKD nafi hasut pelajar

KOTA BHARU: Institut Kajian Dasar (IKD) tidak terbabit dalam sebarang usaha bagi mendorong gerakan pelajar agar membenci kerajaan termasuk kononnya menghantar sekumpulan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) berlatih kaedah berdemonstrasi di Jakarta, Indonesia.

Pengerusi IKD, Datuk Kamaruddin Jaafar, berkata beliau sudah menjelaskan mengenai semua tuduhan dan dakwaan terhadap IKD itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Nampaknya Perdana Menteri memahami dan bersetuju dengan penjelasan yang diberi," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Sebelum ini, IKD turut dikaitkan mendalangi gerakan pelajar IPT menyokong perjuangan reformasi yang didukung Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada Kabinet dan Umno awal bulan ini.

Kamaruddin turut dikaitkan kononnya menghantar sekumpulan pelajar IPT tempatan ke Jakarta bagi mempelajari selok belok berdemonstrasi ketika rakyat republik itu menuntut reformasi.

Menurutnya, IKD hanyalah sebuah badan pemikir bebas yang turut melatih melahirkan barisan pemimpin pelapis pelajar.

Selain itu, IKD turut aktif menganjurkan persidangan dan program wacana ilmu.

Kamaruddin berkata, beliau juga tidak pernah melakukan sebarang lawatan ke Jakarta, Indonesia dan mana-mana pihak boleh memeriksa dokumen passport antarabangnya.

(END)